

29 AUG 2001

Mahathir-Keharmonian

PELIHARA KEHARMONIAN KAUM, KATA MAHATHIR

PUTRAJAYA, 29 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan rakyat supaya memelihara keharmonian kaum untuk menjamin keamanan dan pembangunan yang berterusan di negara ini.

Perdana Menteri juga meminta rakyat berbilang kaum supaya memberikan kesetiaan kepada negara dalam semangat kerjasama antara kaum bagi memajukan lagi Malaysia.

"Semua pihak perlu memelihara hubungan baik antara kaum. Kita akan dapat banyak keuntungan daripada keharmonian dalam negara," katanya ketika berucap kepada 2,000 wakil persatuan Cina seluruh negara di Padang Sekolah Menengah Putrajaya di sini.

Dr Mahathir berkata, keharmonian kaum yang dinikmati selama ini telah membolehkan Malaysia dibangunkan dengan pesat sejak ia mencapai kemerdekaan 44 tahun yang lepas.

Perdana Menteri turut meminta rakyat supaya menghargai jasa para pemimpin pengasas negara daripada ketiga-tiga kaum iaitu Melayu, Cina dan India yang telah mencapai kesepakatan untuk hidup bersama dalam sebuah negara.

"Malaysia amat bertuah, apabila kita mencapai kemerdekaan 44 tahun dahulu, pemimpin kita daripada tiga kaum ini iaitu Tunku Abdul Rahman Putra, Tun Tan Cheng Lock, Tun Tan Siew Sin dan Tun (V.T.) Sambanthan, telah membuat satu perjanjian antara mereka supaya semua kaum sanggup hidup bersama, sanggup membuat pengorbanan untuk keamanan dan kesejahteraan negara kita," katanya.

Perdana Menteri berkata, rakyat negara ini amat terhutang budi kepada para pemimpin pengasas itu.

"Ini adalah negara kita bersama, walaupun kita dari keturunan yang berbeza tetapi inilah negara kita, di sinilah tumpahnya darah kita dan di sinilah hayat kita akan berakhir," katanya.

Dr Mahathir berkata, rakyat tidak harus terlibat dalam rusuhan kaum kerana keadaan itu akan hanya merugikan semua pihak apabila negara menjadi hancur.

Beliau berkata kebanyakan negara lain yang mempunyai penduduk berbilang kaum tidak dapat dibangunkan kerana rusuhan kaum yang berlaku.

"Di Malaysia rusuhan kaum yang berlaku sekali pada tahun 1969 telah memberi pengajaran kepada semua pihak di negara ini," katanya.

Dr Mahathir berkata para pemimpin kaum yang berunding telah berjaya menyelesaikan masalah itu dalam jangka masa yang pendek dan telah menghasilkan formula bagi menentukan kekayaan negara dapat dikongsi bersama.

"Sejak itu negara telah dibangunkan dengan pesat dan Malaysia menjadi negara membangun yang termaju di dunia," katanya.

Beliau berkata orang asing kagum dengan hubungan baik yang wujud di kalangan penduduk berbilang kaum di negara ini.

Perdana Menteri berkata bahawa semasa pemerintahan penjajah Inggeris, kaum-kaum di negara ini telah dipisahkan dan tidak mengenali antara satu sama lain tetapi keadaan itu sudah berbeza sekarang.

"Sekarang kita bercampur, kita bekerja bersama, main bersama dan hidup bersama. Inilah Malaysia," katanya.

Dr Mahathir berharap Malaysia akan menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020 hasil usaha gigih rakyat untuk membangunkan negara secara bersama.

--BERNAMA  
AFY SHI MAI